


KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN

Maksud Bekalan/Pembangunan 47



Mengurus RM	Pembangunan RM		Jumlah RM
	Cara Langsung	Pinjaman	
1,800,501,000	573,129,900	0	2,373,630,900

OBJEKTIF

- (i) Menyebarkan maklumat mengenai falsafah, dasar dan program nasional secara berkesan bagi melahirkan masyarakat berilmu, bermaklumat dan berbudaya luhur ke arah 1Malaysia;
- (ii) Membangun, menyediakan dan mengawal selia kemudahan dan perkhidmatan komunikasi serta industri kandungan;
- (iii) Merakytakan seni, budaya dan warisan melalui program dan aktiviti seni dan budaya ke arah 1Malaysia;
- (iv) Meningkatkan pendapatan negara melalui sumbangan industri kreatif dan komunikasi; dan
- (v) Melahirkan modal insan yang berilmu, kreatif dan inovatif.

PELANGGAN

- (i) Rakyat Malaysia;

- (ii) Agensi-agensi Kerajaan;
- (iii) Agensi-agensi swasta; dan
- (iv) Masyarakat antarabangsa.

STRATEGI

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) adalah komited untuk membina kecemerlangan dalam penyampaian maklumat dan penerangan mengenai falsafah, dasar dan aktiviti Kerajaan kepada masyarakat melalui sebaran am dengan sah, tepat, cepat, terkini dan berkualiti selaras dengan matlamat negara. Selain itu, KPKK juga turut beriltizam untuk menjana ekonomi dan pendapatan negara melalui industri komunikasi, informasi dan kreatif negara.

Dasar ini dapat dicapai melalui strategi berikut :

- (i) Meningkatkan kepekaan dan kemampuan Kementerian dan Agensi/Jabatan di bawah Kementerian agar berfungsi seiring dengan arus globalisasi dari aspek aplikasi IT, termasuk menggunakan *expert system* yang mana semua kerja dan keputusan dapat dibuat dengan pantas dan tepat;
- (ii) Menyelidik dan melaporkan sentimen dan perkembangan di pelbagai peringkat ke arah penggubalan strategi dan aktiviti yang lebih berkesan;
- (iii) Meningkatkan kemampuan bertindak dengan cepat, cekap dan berkesan untuk menangkis tohmahan negatif yang dilahirkan oleh golongan tertentu sama ada dari dalam atau luar negara, yang boleh menjejaskan keutuhan Kerajaan;
- (iv) Memastikan perkhidmatan melalui media elektronik, media cetak, komunikasi bersemuka berdaya maju dan memenuhi keperluan negara dan masyarakat selaras kemajuan semasa;
- (v) Mengurus program pembangunan penyiaran awam dan hiburan termasuk membantu Jabatan-Jabatan Kerajaan bagi menjalankan kempen-kempen Kerajaan melalui penyiaran bahan-bahan kempen di media elektronik, media cetak dan komunikasi bersemuka; dan
- (vi) Meningkatkan pembangunan industri kreatif dan komunikasi sebagai penyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

PROGRAM 1 : PENGURUSAN

Objektif – Memastikan supaya program pengurusan membantu ke arah peningkatan kecekapan dan keberkesanan sistem penyaluran maklumat mengenai falsafah, dasar dan program melalui media elektronik, media cetak, komunikasi bersemuka dan perfileman.

Aktiviti 1 : Khidmat Pengurusan

Objektif – (a) Memberi bantuan khidmat sokongan dalam semua bidang pengurusan, pentadbiran, kewangan, penyelenggaraan bangunan dan landskap serta keselamatan Kementerian supaya semua aktiviti Kementerian dapat dilaksanakan dengan cemerlang dan berkualiti; (b) Memastikan kemudahan logistik sentiasa di tahap cemerlang dan selamat digunakan; dan (c) Mengawasi semua urusan inventori, stok dan pelupusan semua jenis harta modal selaras dengan peruntukan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. urusan majlis rasmi Kementerian	25	40	30
Bil. urusan pembaikan kecil	250	250	400
Bil. urusan harta modal dan inventori	800	800	500
Bil. urusan berkaitan pas keselamatan	4,200	4,200	3,000

Aktiviti 2 : Pengurusan Sumber Manusia

Objektif – Menghasilkan anggota yang berkualiti, berkemahiran dan kompeten serta berintegriti melalui perancangan, pengurusan dan pembangunan sumber manusia secara cekap dan berkesan bagi mencapai objektif organisasi.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. program Pembangunan Modal Insan	90	91	100
Bil. kajian struktur organisasi	50	40	40
Jum. peratusan penggunaan submodal Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) yang berkuat kuasa (%)	90	90	90
Jum. peratusan pengisian gred kenaikan pangkat bagi skim bukan gunasama (%)	85	80	80
Bil. pelaksanaan program di bawah Pelan Integriti Organisasi	12	10	30

Aktiviti 3 : Kewangan

Objektif – Memastikan pengurusan kewangan, khususnya berkaitan dengan perolehan, pembayaran, perakaunan, pengurusan hasil dan pemantauan projek pembangunan dilaksanakan dengan cekap, cepat dan tepat berlandaskan peraturan dan prosedur kewangan Kerajaan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Jum. peratusan peningkatan kutipan hasil (%)	95	95	95
Bil. urusan perolehan tender pembangunan	15	15	15
Bil. urusan perolehan tender mengurus	15	15	15
Bil. urusan baucar bayaran	10,000	15,000	15,000
Bil. pengeluaran waran peruntukan asal	52	52	53

Aktiviti 4 : Pembangunan

Objektif – Memastikan kemudahan-kemudahan asas dan infrastruktur projek yang dilaksanakan menyokong aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK)	12	12	10
Bil. pemindahan peruntukan projek pembangunan Kementerian	6	10	10
Bil. sesi pengemaskinian pelaksanaan projek di dalam Sistem Pemantauan Projek (SPPII)	12	12	12
Bil. penyediaan waran kepada Agensi Pelaksana Projek Pembangunan Kementerian	10	10	10

Aktiviti 5 : Audit Dalam

Objektif – Memastikan sistem perakaunan dan pengurusan kewangan KPKK mematuhi peraturan kewangan semasa yang berkuat kuasa dan diuruskan dengan cekap, ekonomi dan berkesan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. pengauditan pengurusan kewangan	20	20	20
Bil. pengauditan kajian aktiviti	4	4	4

Aktiviti 6 : Akaun

Objektif – Memberi khidmat sokongan dalam hal urusan bayaran dan terimaan supaya program-program dan aktiviti-aktiviti Kementerian dapat mencapai objektifnya.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Jum. peratusan baucar bayaran diproses dalam tempoh 14 hari (%)	100	99	100
Bil. kakitangan dibayar gaji pada tarikh yang ditetapkan (<i>payroll</i>)	7,254	7,254	7,254
Jum. peratusan perbelanjaan vot diakaunkan dengan tepat (%)	100	100	100
Bil. peserta melepasi tahap kompetensi dalam penilaian kursus yang dijalankan	260	260	260

Aktiviti 7 : Pengurusan Maklumat

Objektif – Memberi khidmat sokongan teknikal teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), aplikasi sistem serta rangkaian dan perkhidmatan ICT berkeupayaan membolehkan Kementerian, Jabatan dan agensi di bawahnya melaksanakan fungsi-fungsi dengan cekap dan berkesan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Jum. peratusan tahap literasi dan kemahiran ICT warga KPKK/Jabatan/Agensi (%)	85	90	95
Jum. peratusan penyelesaian masalah kerosakan dan penyelenggaraan ICT (tanpa alat ganti/bukan sewaan) (%)	50	45	40
Jum. peratusan tahap kepuasan sokongan teknikal ICT yang disediakan (%)	10	5	5
Jum. markah penarafan 5 Bintang Portal KPKK dalam <i>Malaysia Government Portals and Websites Assessment</i> (MPGWA)	90	95	98

Aktiviti 8 : Pusat Sumber

Objektif – Menyediakan koleksi bahan rujukan dan bahan bacaan dalam pelbagai format yang komprehensif dan terkini serta perkhidmatan tambah nilai untuk memenuhi keperluan maklumat selaras dengan visi dan misi Kementerian.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. bahan bacaan yang siap diproses	10,000	12,000	12,000
Bil. penggunaan pangkalan data internet	3,000	4,000	4,000
Bil. promosi pusat sumber	300	300	350
Bil. capaian portal pusat sumber	10,000	10,000	10,000
Bil. pengukuhan pangkalan data dalaman	4,000	4,000	5,000

PROGRAM 2 : PENERANGAN

Objektif – Meningkatkan imej Kementerian diurus secara strategik melalui strategi perhubungan awam yang teratur, pengurusan perkhidmatan hal ehwal hubungan antarabangsa yang efisien dan efektif serta menjalankan perancangan dan penyelidikan yang berterusan selaras dengan Dasar Wawasan Negara.

Aktiviti 1 : Dasar dan Perancangan Strategik

Objektif – Memastikan perancangan dan penyelidikan yang berkaitan dengan dasar penyiaran, penerangan dan perfileman Kementerian dilaksanakan dengan efektif dan selaras dengan Dasar Wawasan Negara.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. kajian lapangan untuk mendapatkan tahap penilaian dasar/program Jabatan/Agensi	7	8	8
Bil. kajian <i>online</i>	5	6	6
Bil. penerbitan Buku Perangkaan Tahunan	1	1	1
Bil. laporan kajian	2	6	6
Bil. Memorandum Jemaah Menteri	18	8	8

Aktiviti 2 : Antarabangsa

Objektif – Memperkukuhkan kerjasama dan jaringan dengan Kementerian dan agensi serta pertubuhan-pertubuhan tertentu di peringkat tempatan dan antarabangsa bagi melaksanakan program Pusat Operasi Pertukaran Berita dan Bahan Penyiaran (SSIG) serta membuat penerbitan semula bahan-bahan dokumentari audio video dari RTM yang sesuai dengan keperluan Negara-negara Selatan untuk dimuat naik ke dalam Portal SSIG dengan membuat ubah suai *voice over* dan *caption*.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. jalinan kerjasama antara negara/pertubuhan/agensi	32	39	46
Bil. bahan berita	53,328	60,000	65,000

Aktiviti 3 : Pengurusan Analisis Maklumat

Objektif – Memastikan maklumat diurus secara strategik ke arah mewujudkan kestabilan dan kesejahteraan negara.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. keurusetiaan Mesyuarat Jawatankuasa Gerak Saraf Perang Saraf	8	6	6
Bil. keurusetiaan Mesyuarat Jawatankuasa Isu-isu Semasa	16	10	10
Bil. penyelarasan isu-isu semasa di peringkat negeri	9	6	6
Bil. laporan isu semasa mingguan	45	20	20
Bil. laporan isu semasa lapangan mingguan	45	20	20

Aktiviti 4 : Penyelarasan Media

Objektif – Memelihara dan meningkatkan imej Kementerian melalui strategi perhubungan awam yang teratur dan menonjolkan keupayaan Kementerian sebagai hos penyiar dan sebagai pengurus pusat media yang bertaraf dunia.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. kerjasama strategik dengan agensi-agensi dalam perancangan dan pengurusan tindakan komunikasi Kerajaan	320	320	300
Bil. perancangan dan penyediaan pelan komunikasi bersepadu	40	27	25
Bil. penggunaan pelbagai saluran media untuk menyebarkan maklumat	126	136	116

PROGRAM 3 : KEBUDAYAAN

Objektif – Melaksanakan segala dasar, undang-undang dan peraturan berhubung dengan kebudayaan, kesenian dan warisan negara dengan cekap dan berkesan serta memastikan hala tuju dan pelaksanaan dasar-dasar selaras dengan objektif dan wawasan negara.

Aktiviti 1 : Perhubungan Antarabangsa

Objektif – Pemangkin kepada usaha memartabatkan dan memelihara seni budaya dan warisan negara berteraskan kebudayaan kebangsaan di samping mengadakan jaringan kerjasama antarabangsa.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. projek bagi menjalinkan hubungan persefahaman kerjasama dua hala dengan negara-negara luar ke arah mewujudkan rangkaian kerjasama dalam bidang penerangan, komunikasi dan kebudayaan	10	10	10
Bil. projek bagi menjalinkan hubungan sefahaman kerjasama dua hala dengan negara-negara luar ke arah mewujudkan rangkaian kerjasama dalam bidang penerangan, komunikasi dan kebudayaan	7	7	7
Bil. projek bagi menyelaras dan melaksana projek dan aktiviti penerangan komunikasi dan kebudayaan di bawah pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dan serantau	5	5	5
Bil. projek bagi menyelaras dan melaksana projek dan aktiviti penerangan komunikasi dan kebudayaan anjuran ASEAN	2	2	2
Bil. urusan penyelarasan Memorandum Persefahaman (MoU) berkaitan penerangan, komunikasi dan kebudayaan	12	12	12

Aktiviti 2 : Pengurusan Acara dan Perhubungan Awam

Objektif – (a) Menyelaras aktiviti Kementerian melalui bentuk budaya, seni dan warisan selaras dengan misi dan visi Kementerian serta merealisasikan fungsi keseluruhan majlis rasmi Kementerian dengan lebih berkesan dan dinamik; (b) Mempromosi dasar, program dan aktiviti Kementerian ke arah pembentukan imej yang positif melalui penerangan yang strategik, menggalakkan penyertaan, meningkatkan penghayatan dan kefahaman awam yang berkesan; dan (c) Mendedah dan menanam erti pelbagai nilai murni dan budi bahasa, menggalakkan penghayatan dan amalan serta sebagai intisari jati diri peribadi serta perilaku anggota masyarakat dalam kehidupan seharian.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. program melibatkan khalayak budaya, seni dan warisan	6	6	6

Aktiviti 3 : Dasar dan Perancangan Strategik

Objektif – Memastikan perancangan, pembangunan dan pemantauan dasar berkaitan seni budaya dan warisan negara dilaksanakan dengan efektif dan berkesan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. permohonan bantuan kebudayaan (penggiat seni/badan-badan bukan Kerajaan)	260	280	280
Bil. ulasan kajian kebudayaan	20	25	30

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. Mesyuarat pasca Kabinet	25	25	25
Bil. pindaan akta/dasar/garis panduan	1	2	2
Bil. Kertas Jemaah Menteri	40	40	40

Aktiviti 4 : Keurusetiaan Jawatankuasa Agensi Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL)

Objektif – Berperanan sebagai agensi pusat bagi memproses dan memberi keputusan segera kepada permohonan penggambaran filem dan persembahan artis luar negara Malaysia dan hal-hal lain yang berkaitan dengannya serta melesenkan aktiviti pengeluaran, pengedaran dan pameran filem dan hal-hal lain yang berkaitan dengan aktiviti perfileman.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. kelulusan permohonan dalam tempoh lima hari bekerja	1,775	1,863	1,956

PROGRAM 4 : KOMUNIKASI

Objektif – Menyelaraskan perancangan sistem komunikasi bagi memastikan perkhidmatan berkenaan dapat dikekalkan sejajar dengan keperluan pembangunan sosioekonomi negara dan memastikan pertumbuhan dan pembangunan sektor komunikasi dan multimedia berjalan dengan teratur, dinamik dan efisien dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi serta memenuhi kehendak manusia, industri dan pembangunan dan mencapai dasar-dasar utama negara.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. penggubalan undang-undang/akta berkaitan industri komunikasi	1	1	1
Bil. kajian impak dasar komunikasi	1	1	1

PROGRAM 5 : PENYIARAN

Objektif – Memastikan perkhidmatan penyiaran, penyebaran maklumat melalui radio dan televisyen dapat membina sikap, peribadi, pemikiran dan nilai-nilai yang sesuai untuk memajukan dan menjayakan pembangunan sosioekonomi masyarakat selaras dengan cita-cita negara.

Aktiviti 1 : Rancangan

Objektif – Memastikan perkhidmatan penyiaran, penyebaran maklumat dan hiburan (*inforia*) dapat meningkatkan kefahaman rakyat mengenai dasar negara.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. program berbentuk kuiz dengan hadiah	10	10	10
Bil. program radio di lokasi (Acara Turun Padang – Rangkaian Nasional)	25	25	25
Bil. perolehan rancangan (jam)	5,000	8,790	8,790
Bil. penerbitan rancangan TV <i>In-House</i>	1,200	1,210	1,220
Bil. penerbitan dan penyiaran berita TV	7,385	7,385	7,385

Aktiviti 2 : Operasi Penyiaran

Objektif – Memastikan perkhidmatan operasi dan penyelenggaraan kejuruteraan penyiaran pembangunan serta perunding kepada Bahagian Rancangan, agensi-agensi awam, penonton dan pendengar adalah pada kadar gangguan 1% dari jumlah masa siaran.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Jum. jam perkhidmatan siaran TV1	7,200	7,200	7,200
Jum. jam perkhidmatan siaran TV2	8,760	8,760	8,760
Jum. jam perkhidmatan siaran TVi	8,760	8,760	8,760
Jum. jam siaran luar TV	1,500	1,500	1,500

Aktiviti 3 : Khidmat Pengurusan

Objektif – Memastikan khidmat sokongan dan logistik Jabatan dapat dilaksanakan dengan cemerlang dan berkualiti.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. naziran kewangan setahun	4	4	4
Bil. permohonan pindah peruntukan daripada Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi setiap tahun berkurangan	55	45	40
Bil. naziran perjawatan	1	2	2
Bil. latihan yang dikendalikan unit latihan setahun	63	70	72

PROGRAM 6 : JABATAN PENERANGAN

Objektif – Membentuk satu rupa bangsa Malaysia yang bermaklumat dan bermaruah tinggi untuk mencapai kestabilan politik, ekonomi dan sosial selaras dengan cita-cita Rukun Negara bagi mewujudkan negara maju.

Aktiviti 1 : Khidmat Pengurusan dan Kewangan

Objektif – Memastikan supaya khidmat pengurusan kewangan dan pengurusan personel Jabatan dapat dilaksanakan dengan cekap selaras dengan peraturan kewangan dan usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan Jabatan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. permohonan penggunaan kenderaan	2,000	2,000	2,000
Bil. pembaikan kenderaan	65	65	65

Aktiviti 2 : Perkhidmatan Komunikasi dan Pembangunan Masyarakat

Objektif – Memastikan khidmat komunikasi dan aktiviti insan dapat dilaksanakan kepada semua lapisan masyarakat demi perpaduan dan kestabilan negara selaras dengan dasar Kerajaan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. program/aktiviti kempen/sivik yang dilaksanakan	6,500	6,500	6,500
Bil. program Bersepadu Komuniti 1Malaysia yang dilaksanakan	139	139	139

Aktiviti 3 : Media dan Komunikasi Korporat

Objektif – Menentukan kegiatan-kegiatan mengenai dasar dan program Kerajaan diberi liputan secara meluas, tepat dan efektif di dalam media massa bagi mencapai objektif Jabatan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. E-PRESS	10,402	10,000	10,000
Bil. pengeluaran siaran media	500	500	500
Bil. akreditasi media	1,500	1,500	1,500
Bil. penubuhan/pengendalian pusat media	10	10	10
Bil. pengurusan media	50	30	30

Aktiviti 4 : Penerbitan Dasar Negara

Objektif – Menerbitkan bahan-bahan bercetak seperti buku, risalah, poster dan bahan maklumat yang jelas dan mudah difahami mengenai falsafah, dasar dan wawasan negara untuk meningkatkan kefahaman rakyat selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. Buku Rasmi Tahunan Kementerian	1,000	1,000	1,000
Bil. naskhah buku Koleksi Ucapan Perdana Menteri	4,000	4,000	4,000
Bil. Malaysia <i>Focus</i>	30,000	30,000	30,000
Bil. Buletin Citra	15,000	15,000	15,000
Bil. Majalah Menteri	30,000	30,000	30,000

Aktiviti 5 : Komunikasi Visual dan Senireka

Objektif – Memastikan penggubalan dasar komunikasi visual dan pelaksanaan aktiviti komunikasi visual dapat dicapai di samping memberi khidmat nasihat kepada lain-lain agensi Kerajaan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. pelaksanaan pameran bersepadu	15	15	16
Bil. promosi kempen Jabatan pada bahan publisiti luar Jabatan	1,130	1,130	1,130

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. penghasilan reka bentuk bagi pelbagai perkara mengikut program Bahagian/Jabatan	650	650	650
Bil. pelaksanaan liputan foto dalam dan luar negara, pengambilan gambar aktiviti rasmi kerajaan, pembangunan negara dan rencana serta keseluruhan aktiviti Jabatan	860	1,000	1,050
Bil. pendigitalan i-Foto	6,300	6,500	6,550

Aktiviti 6 : Pengurusan Sumber Manusia

Objektif – Memastikan Jabatan mempunyai struktur organisasi yang sesuai, bilangan pekerja yang optimum, terancang serta mempunyai kemahiran yang berkualiti dan sesuai untuk membolehkan organisasi ini menjadi cekap dan berkesan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. pengisian jawatan tetap	250	200	200
Bil. pusingan kerja bagi skim perkhidmatan di bawah Ketua Pengarah Penerangan	140	130	140
Bil. Anugerah Khidmat Cemerlang yang diberikan	230	200	210
Bil. program latihan modal insan	104	80	80

Aktiviti 7 : Teknologi Maklumat

Objektif – Memastikan program pembangunan infrastruktur dan rangkaian sistem aplikasi komputer dapat diwujudkan dalam proses perancangan, pelaksanaan dan penyediaan perkhidmatan Jabatan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Jum. markah penilaian laman web dan portal sektor awam terhadap kerosakan e-mel, internet dan rangkaian	85	85	85
Bil. penyelesaian masalah kerosakan ICT yang tidak melibatkan alat ganti dalam tempoh tiga hari bekerja	250	250	250
Bil. transaksi perkhidmatan dalam talian	30,000	30,000	30,000
Bil. warga Kementerian/Jabatan/Agensi yang menghadiri program pembudayaan ICT	1,000	1,000	1,000

Aktiviti 8 : Perancangan Strategik dan Penyelidikan

Objektif – Memastikan supaya hala tuju, teras dan penyediaan pelan strategik organisasi serta sistem kawalan strategik yang ditetapkan berjaya dilaksanakan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. urus setia mesyuarat Jabatan	53	53	53
Bil. urus setia Mesyuarat Perancangan Strategik dan Penyelidikan	2	2	2
Bil. urus setia Perมุကိမ္မာ (Retreat) Jabatan	1	1	1
Bil. kajian kefahaman, penerimaan dan penghayatan	1	1	1
Bil. kajian impak dan keberkesanan aktiviti Jabatan	4	4	6

Aktiviti 9 : Perhubungan Antarabangsa

Objektif – Meningkatkan imej dan menjamin kepentingan Jabatan dalam bidang penerangan di arena antarabangsa melalui perkhidmatan hal ehwal perhubungan antarabangsa dan sasaran maklumat Kerajaan yang efisien dan efektif.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. penyelarasan/pelaksanaan aktiviti di bawah ASEAN <i>Committee on Culture and Information</i> (ASEAN-COCI) dan hal ehwal antarabangsa yang lain	8	8	8
Bil. laporan pelaksanaan program ASEAN, MoU dan antarabangsa yang diselenggarakan	8	8	8
Bil. kertas kerja/kertas konsep disediakan	8	3	4

Aktiviti 10 : Gerak Saraf dan Pengurusan Isu

Objektif – Memastikan supaya pemantauan dan penyelidikan dapat dilaksanakan terhadap perkara yang dijangka boleh menjejaskan Kerajaan dan keselamatan negara, serta mengekal dan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap Kerajaan melalui pendekatan komunikasi.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. pengurusan isu semasa efektif melalui kajian reaksi awam, laporan khas, isu lapangan, media siber	41,486	41,486	41,486
Jum. peratusan tahap penerimaan dan sambutan rakyat terhadap program Menjana Minda Rakyat (%)	75	75	75

PROGRAM 7 : FILEM NEGARA

Objektif – Memastikan supaya penerbitan dokumentari dan treler dapat dilaksanakan bagi membantu meningkatkan pengetahuan dan kefahaman umum mengenai dasar, program dan pencapaian Kerajaan selaras dengan dasar sedia ada Kerajaan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. penerbitan filem dokumentari	50	42	42
Bil. penerbitan filem treler	157	140	140
Bil. filem liputan peristiwa (arkib)	301	255	255
Bil. pemprosesan filem negatif, positif dan pendua (meter)	90,064	112,800	112,800
Bil. alihan video (jam)	1,347	1,200	1,200

PROGRAM 8 : PERKHIDMATAN HAL EHWAL KHAS (JASA)

Objektif – Memastikan supaya aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan projek-projek khas kepada orang awam dilaksanakan selaras dengan dasar semasa Kerajaan bagi mengekalkan keyakinan rakyat kepada Kerajaan yang memerintah untuk mencapai wawasan negara.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. program Rapat 1Malaysia	15	15	15
Bil. pameran Patriotik 1Malaysia	12	12	12
Bil. penerbitan bahan bacaan dan edaran cenderamata 1Malaysia	1,500,000	1,500,000	1,500,000
Bil. program Mesra Jiran (Taqqarrub)	3,500	3,500	3,500
Bil. program Perkampungan Bakti Siswa 1Malaysia	15	15	15

PROGRAM 9 : INSTITUT PENYIARAN DAN PENERANGAN TUN ABDUL RAZAK (IPPTAR)

Objektif – Mewujudkan warga penyiar yang cekap, berkualiti dan profesional menerusi perkhidmatan latihan dalam bidang penyiaran di dalam dan di luar negara.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. kursus-kursus yang dikendalikan	105	100	100
Bil. program khas	4	12	12
Bil. penyertaan peserta	3,055	2,400	2,600
Jum. peratusan indeks keberkesanan sekurang-kurangnya mencapai tahap memuaskan (%)	100	100	100

PROGRAM 10 : ARKIB NEGARA

Objektif – Mengesan, memperoleh, mengumpul, menyimpan dan memelihara rekod dan bahan maklumat negara yang mempunyai nilai kebangsaan dan sejarah bagi kemudahan rujukan dan penyelidikan serta sebagai bahan bukti perundangan ke atas kaedah penyimpanan rekod yang teratur dan sistematik menerusi Akta dan peraturan Arkib Negara Malaysia.

Aktiviti 1 : Pejabat Ketua Pengarah

Objektif – Mewujudkan kecekapan jentera pentadbiran dengan cara yang ekonomikal menerusi pengurusan rekod yang sistematik dan moden.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun	4	4	4
Bil. mesyuarat pengurusan Jabatan	12	12	12
Bil. mesyuarat pagi	-	12	12
Bil. mesyuarat ikhtisas Jabatan	6	6	6
Bil. mesyuarat Majlis Bersama Jabatan	4	4	4

Aktiviti 2 : Perancangan dan Pengurusan

Objektif – Bagi memastikan rekod dan arkib awam terpelihara untuk kegunaan penyelidikan dan orang ramai membuat kajian.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Jum. peratusan tahap kefahaman penjawat awam terhadap kepentingan pengurusan rekod (%)	80	81	82
Bil. perolehan bahan arkib (arkib rasmi, arkib persendirian dan rekod Malaysia di luar negara)	90,000	95,000	31,581
Bil. bahan arkib yang dipelihara	400,000	440,000	484,000
Bil. bahan arkib yang dibaikpulih	24,420	26,862	29,548

Aktiviti 3 : Cawangan Negeri

Objektif – Melaksanakan semua fungsi dan peranan di peringkat negeri untuk memperoleh, menyimpan dan memelihara rekod dan arkib awam untuk warisan sejarah dan sebagai bahan rujukan dan penyelidikan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. bahan arkib yang dirujuk	1,350	1,418	1,489
Bil. perolehan rekod dan bahan arkib sebagai sumber rujukan dan penyelidikan	1,350	1,420	1,490
Bil. pemeliharaan bahan arkib sebagai khazanah warisan negara	10,827	11,368	11,936
Jum. bahan arkib yang dibaikpulih	250	263	276
Bil. pengguna arkib (pelawat, penyelidik, lawatan maya)	6,950	7,300	7,663

Aktiviti 4 : Penyelidikan dan Pengembangan

Objektif – Menyediakan kemudahan rujukan dan penyelidikan, memelihara rekod dan arkib awam, menjalankan penyelidikan berkaitan persempadanan, isu-isu semasa dan pengesahan fakta sejarah negara, mendokumentasi maklumat, memperolehi dan menyebarkan serta mempamerkan bahan-bahan berkaitan tokoh-tokoh ulung negara untuk mempertingkatkan dan memperkukuhkan kesedaran, kefahaman serta penghayatan sejarah negara kepada masyarakat dan generasi akan datang.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. pengguna arkib (pelawat, penyelidik dan lawatan maya)	200,000	200,000	200,000
Bil. bahan arkib yang dirujuk	70,000	73,500	77,175
Bil. program pengembangan (pameran dan arkib pendidikan, penerbitan, program negarawan, pendokumentasian)	40	45	50

Aktiviti 5 : Khidmat Pengurusan

Objektif – Melaksanakan urusan pentadbiran, perkhidmatan, pengurusan kewangan dan penyelenggaraan semua aplikasi yang dibangunkan untuk Arkib Negara Malaysia serta menyediakan khidmat sokongan teknikal ICT Jabatan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. sebut harga/tender yang dihasilkan	15	15	18
Bil. laporan prestasi bulanan belanja mengurus yang disediakan	12	12	25
